

## KONSEP AL-HAYA' MENURUT PERSPEKTIF SUNNAH

Siti Solehah binti Azhar  
eyhahsolehah@gmail.com

Suriani Sudi  
suriani@kuis.edu.my

Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

### ABSTRAK

*Al-haya'* merupakan sifat yang dapat menjauhkan manusia daripada perbuatan rendah akhlak dan mencegahnya dari keruntuhan moral dan bergelumang dengan dosa. Sebagaimana *al-haya'* juga merupakan faktor pendorong yang utama pada perbuatan mulia. Kerana itulah apabila *al-haya'* itu hilang, pelbagai gejala yang tidak sihat timbul antaranya tidak menjaga aurat, suka mendedahkan diri di *facebook*, mendedahkan kisah peribadi di laman-laman sosial yang akhirnya membawa kepada kes rogol, liwat, masalah seksual dan sebagainya. Ini adalah berpunca daripada hilangnya perasaan *al-haya'* dalam diri. Maka, kajian ini dibuat bertujuan untuk mengkaji konsep *al-haya'* menurut perspektif al-Sunnah. Kefahaman tentang konsep *al-haya'* perlu dirungkai kerana ia merupakan faktor utama kepada perubahan diri seseorang. Kajian ini menggunakan metode kaedah analisis secara tematik iaitu dengan mengenal pasti hadis-hadis yang berkaitan *al-haya'* yang terdapat di dalam Sahih Bukhari dan Muslim. Hasil kajian mendapati sunnah sangat menekankan berkaitan *al-haya'*. Sunnah mengaitkan *al-haya'* sebagai sifat yang mendatangkan kebaikan, *al-haya'* menghalang dari melakukan dosa, *al-haya'* sebahagian dari iman dan *al-haya'* merupakan sifat para nabi. Implikasi kajian ini seterusnya menjelaskan bahawa *al-haya'* mempunyai peranan yang besar dalam kehidupan seorang muslim. Ia berperanan dalam membentuk peribadi dan syaksiah seseorang. Maka sifat *al-haya'* harus ditingkatkan sehingga ia dapat membentuk kehidupan yang sejahtera.

**Kata kunci:** *al-haya'*, hadis, sunnah.

### 1. Pendahuluan

Agama Islam tertegak di atas beberapa tiang, iaitu akidah, ibadah, hubungan sosial (muamalah), akhlak, etika dan hukuman. Melalui tiang-tiang itulah Allah menyempurnakan nikmat dan agamaNya kepada manusia. Malu adalah asas moral dan etika. Lantaran mulia dan luhurnya sikap malu serta begitu besar pengaruhnya, maka muncullah berbagai keistimewaan akhlak yang tersohor dalam agama ini. Islam adalah risalah yang paling mulia. Oleh kerana itu,

Allah s.w.t memberi manusia akhlak yang paling mulia, iaitu rasa malu. Umat tanpa akhlak adalah lebih sesat daripada binatang ternakan.

Saat ini, manusia amat memerlukan akhlak berupa *al-haya'*. Akhlak yang sangat penting sekali, yang mampu membawa perubahan pada individu, keluarga dan masyarakat. Pada era sekarang, akhlak ini menjadi sangat langka. Ketika akhlak ini hilang dari tengah-tengah kita, maka masyarakat akan rosak. Namun, jika memegangnya dengan teguh, pasti masyarakat akan semakin baik dalam kehidupannya. Setiap kali manusia itu menjauhinya, pasti berbagai masalah dalam masyarakat meningkat pesat. Itulah akhlak malu, sang perikat iman. Dengannya iman dapat bertambah ataupun berkurang (Yahya Nuryadi, 2008).

Malu pada hakikatnya tidak mendatangkan sesuatu kecuali kebaikan. Malu mengajak pemiliknya agar menghias diri dengan yang mulia dan menjauhkan diri dari sifat-sifat yang hina. Rasulullah s.a.w bersabda :

الْحَيَاءُ لَا يَأْتِي إِلَّا بِخَيْرٍ

Maksudnya: Malu itu tidak mendatangkan sesuatu melainkan kebaikan semata-mata". (Bukhari. *Sahih Bukari*. Kitab Iman. Bab al-Haya'. No.hadis 5766).

Kajian ini mengkhususkan berkaitan sifat *al-haya'* yang diterapkan dalam penggunaan aplikasi. *Al-haya'* itu hanya wujud dalam diri manusia yang beriman. Aset berharga bagi manusia juga adalah *al-haya'*. Dengan kata lain, seseorang yang kehilangan sifat *al-haya'* maka yang tinggal dalam dirinya hanyalah keburukan. Buruk dalam ucapan, buruk dalam perangai. Tidak dapat kita bayangkan jika dari mulut seorang muslimah itu mengeluarkan kata-kata kotor lagi kasar.

Dengan demikian, kita mengetahui bahawa seseorang yang mengambil berat pada rasa *al-haya'* dan mempunyai komitmen padanya menunjukkan bahawa dia mengambil berat pada keutamaan, kehormatan diri dan akhlak yang lurus. Itu dapat membakar setiap kelalaian, mencegah setiap keburukan dan mendorong kepada setiap perkara yang baik. Tidaklah rasa malu berada pada sesuatu melainkan akan menghiasinya. Dan, tidaklah rasa malu dicabut dari sesuatu melainkan akan menjadikannya buruk. Seandainya rasa malu telah hilang, maka wanita pun hilang bersamanya. Sebabnya tidak mungkin, seseorang dapat menyentuh wanita dan memperdayakannya sebelum akhlak yang agung ini dicampakkan.

Musuh Islam membuat tipu daya pada wanita muslimah siang dan malam sehingga dia melepaskan rasa malunya. Wanita pun berani keluar dengan busana yang menjolok mata di jalan dan lorong. Dia memakai minyak wangi pada badannya dan berbagai aksesori, lalu keluar sendirian untuk melakukan perjalanan dan perkara lain yang mengundang murka Zat Penguasa langit dan bumi (Nada 2003).

Seperti yang telah berlaku depan mata sebelum ini iaitu isu remaja dipeluk dan dicium artis K-Pop yang paling menjadi tumpuan dan mendapat komen satu Malaysia. Rata-rata menyalahkan mereka, remaja Melayu bertudung kerana merelakan diri mereka diperlakukan begitu hingga menjatuhkan maruah gadis bertudung dan kesucian Islam.(Harian Metro 2015) Menghentam dan menuding jari kepada mereka tidak akan mengubah apa-apa jika tidak mengambil iktibar daripada apa yang berlaku. Hakikatnya, kita perlu akui rasa malu dalam diri

masyarakat Melayu yang terkenal dengan adab sopan, ditambah pula didikan agama Islam yang mengutamakan menjaga kehormatan diri, makin lama makin hilang.

Akhir-akhir ini kita sering melihat dan alami peristiwa kenakalan remaja dengan berbagai dimensi dalam kalangan masyarakat, seperti kelakuan remaja yang berlebihan, siswa-siswi yang melakukan perbuatan yang dianggap tidak sopan dan menyebarkannya melalui media internet dan handphone, dan juga ramai pelajar sekolah yang menjadi korban narkoba, bahkan yang paling banyak kes terjadi dan seringkali kita lihat diberita-berita bahawa berluasanya seks bebas, yang mengakibatkan ramainya remaja di usia setahun jagung melakukan seks bebas tersebut sehingga mengandung anak luar nikah (Emilia Susanti 2014).

Kerana itu menjadi penting bagi kita untuk menghiasi diri dengan sifat *al-haya'*. Sumber sifat malu adalah dari pengetahuan kita tentang keagungan Allah SWT sifat malu akan muncul dalam diri kita apabila kita menghayati sebetulnya bahawa Allah itu Maha Mengetahui, Allah itu Maha Melihat.

## **2. Metodologi Kajian**

Pengkaji telah menjalankan kajian kualitatif secara analisa kandungan dengan cara mengenalpasti hadis-hadis yang berkaitan dengan *al-haya'* dari kitab-kitab hadis dan mengumpulkan hadis-hadis tersebut seterusnya meletakkan tema yang bersesuaian untuk hadis-hadis yang ditemui.

## **3. Perbincangan Hasil Kajian**

Pada bahagian ini penulis akan mulai dengan perbincangan berkaitan definisi *al-haya'* seterusnya hadis-hadis yang ditemui di dalam kitab-kitab berkaitan *al-haya'*.

### **3.1 Definisi Al-Haya'**

*Al-haya'* di ambil daripada perkataan arab yang bermaksud malu. Malu adalah satu kata yang mencakup perbuatan menjauhi segala apa yang dibenci. Menurut Ibn Qayyim malu berasal dari kata *hayaah* (hidup), dan ada yang berpendapat bahawa malu berasal dari kata *al-hayaah* (hujan), tetapi makna ini tidak masyhur. Hidup dan matinya hati seseorang sangat mempengaruhi sifat malu orang tersebut. Begitu pula dengan hilangnya rasa malu, dipengaruhi oleh kadar kematian hati dan ruh seseorang. Sehingga setiap kali hidup, pada saat itu pula rasa malu menjadi sempurna (Yazid, 2018).

Malu menurut bahasa iaitu rasa menahan, menyendiri, berubah dan mengalah yang dirasai oleh seseorang lantaran bimbangkan perkara yang boleh mengaikannya. Manakala malu menurut istilah merupakan sifat dan akhlak yang tersemat didalam jiwa. Ia membangkitkan seseorang untuk menjauhi perkara yang buruk dan menghalangnya daripada cuai menunaikan hak mereka yang berhak (Ali Laban, 2009).

Malu dalam pandangan Islam adalah salah satu sifat orang beriman. Rasa malu sangat bermanfaat dalam mengendalikan hawa nafsu. Orang yang memiliki rasa malu adalah orang yang mampu menjaga diri. Harga martabat diri seseorang sangat tergantung pada rasa malu yang dimilikinya. Semakin tinggi rasa malunya, semakin tinggi pula harga diri dan martabatnya.

Sebaliknya, semakin rendah rasa malunya, semakin rendah pula harga diri dan martabatnya (Emilia, 2014).

Orang yang malu akan disekat oleh rasa malunya daripada melakukan maksiat. Maka ia bertindak sebagai iman yang menyekat dan menghalang seorang mukmin dengan maksiat. Sifat malu dijadikan sebahagian daripada iman. Kerana iman mendorong seseorang melaksanakan perintah Allah dan berhenti daripada tegahan-Nya. Oleh itu apabila berhenti daripada melakukan maksiat lantaran malu, maka ia adalah sebahagian iman. Maka, *al-haya'* dalam Islam merupakan akhlak yang tinggi dan antara sifat yang paling agung dimiliki oleh seorang muslim. Ia juga merupakan antara kelebihan yang terunggul hingga Nabi SAW menjadikannya sebagai akhlak istimewa seorang muslim.

Menurut Dr. Ali Laban. (2009), Rasulullah SAW menjulang kedudukan sifat *al-haya'* dan mengangkat nilai martabatnya. Baginda SAW menekankan bahawa segala kebaikan dan segala kejayaan adalah bagi mereka yang bersifat dan berhias dengan akhlak malu. Asas dalam Islam ialah, seorang mukmin pertamanya hendaklah menjaga perkara-perkara syariat. Maka *al-haya'* dapat menahan seseorang daripada perkara yang mengaibkan menurut pandangan syarak meskipun perkara tersebut tidak dikira aib oleh manusia. Seperti pergaulan tanpa batasan antara lelaki dan wanita. Ada sesetengah manusia merasakan perbuatan itu tidak memalukan, namun syariat menyatakan perbuatan tersebut adalah mungkar. Begitu juga pada pandangan manusia, seseorang dikira malu dan pemalu apabila dia tidak mencegah teman atau orang yang berkedudukan daripada melakukan maksiat, bahkan dia meninggalkan kewajipan menyuruh kepada makruf dan menegah daripada yang mungkar kerana menghormati, menjaga hubungan dan membodek atas alas an agama dan syariat. Sikap ini tidak dikira malu oleh syariat. Orang itu juga tidak dikira pemalu. Bahkan dikira pengecut dan lemah.

### **3.2 Hadis-hadis Berkaitan *Al-Haya'***

Di bawah tajuk ini, penulis datangkan hadis-hadis terdapat di dalam kitab-kitab berkaitan *al-haya'*. Hadis-hadis kemudiannya di susun berdasarkan tema-tema yang terdapat di dalam hadis.

#### **3.2.1 Kebaikan *Al-haya'***

Hadis di bawah menyatakan tentang *al-haya'* mendatangkan kebaikan

عَنْ أَبِي السَّوَارِ الْعَدَوِيِّ، قَالَ : سَمِعْتُ عِمْرَانَ بْنَ حُصَيْنٍ ، قَالَ : قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : الْحَيَاةُ لَا يَأْتِي إِلَّا بِخَيْرٍ

Maksudnya: Dari Abu Al-Sawwar Al-Adawi, dia berkata : Aku mendengar Imran bin Hushain berkata, Nabi SAW bersabda, Malu tidak mendatangkan, kecuali kebaikan. (Bukhari. *Sahih Bukhari*. Kitab Adab. Bab *Al-haya'*. No.hadis 5766)

Ibnu Daqiq (t.t) menyebutkan dalam kitab *Syarah Al Umdah* bahawa makna dasar malu adalah mencegah, lalu digunakan dalam erti menahan. Namun, yang betulnya bahawa mencegah adalah kesan daripada malu. Kesan sesuatu bukanlah asalnya. Oleh kerana mencegah termasuk kesan malu, maka anjuran untuk selalu memiliki rasa malu merupakan motivasi mencegah diri dari perbuatan yang tercela.

Baginda s.a.w. menekankan bahawa segala kebaikan dan segala kejayaan adalah bagi mereka yang bersifat dan berhias dengan akhlak malu. Sabda Nabi s.a.w. :

الْحَيَاءُ لَا يَأْتِي إِلَّا بِخَيْرٍ

Maksudnya: Malu tidak mendatangkan, kecuali kebaikan (Bukhari. *Sahih Bukhari*. Kitab Adab. Bab Al-haya'. No.hadis 5766).

Imam Muslim meriwayatkan,

الْحَيَاءُ خَيْرٌ كُلُّهُ

Maksudnya: Malu adalah kebaikan seluruhnya. (Muslim. *Sahih Muslim*, Kitab Iman, Bab Bayan 'Adad Sya'bu al-Iman, No.Hadis 57)

Sebuah hadis yang lain;

إِنَّ مِنَ الْحَيَاءِ وَقَارًا وَإِنَّ مِنَ الْحَيَاءِ سَكِينَةً

Maksudnya: Sesungguhnya termasuk malu adalah kewibawaan dan termasuk malu adalah ketenangan. (Bukhari. *Sahih Bukhari*. Kitab Adab. Bab 1-Haya'. No.hadis 5766)

Keimanan menyuruh seorang mukmin melakukan kebaikan dan meninggalkan kemaksiatan. Sedangkan rasa *al-haya'* mencegah perlakunya dari kurang bersyukur kepada pemberi nikmat, termasuk mengurangi hak dari orang yang berhak. Sebagaimana orang yang pemalu mencegah dirinya dari berbuat keburukan atau berkata buruk, menjaga dari cela dan dosa cemuhan, maka rasa malu itu baik dan tidaklah menimbulkan kecuali kebaikan (Muhammad Didik ,2017).

Asas dalam Islam ialah, seorang mukmin yang pertama sekali hendaklah menjaga perkara-perkara syariat. Maka *al-haya'* dapat menahan seseorang daripada perkara yang mengaibkan menurut pandangan syarak meskipun perkara tersebut tidak dikira aib oleh manusia. Seperti pergaulan tanpa batasan antara lelaki dan wanita. Ada sesetengah manusia merasakan perbuatan itu tidak memalukan, namun syariat menyatakan perbuatan tersebut adalah mungkar. Begitu juga pada pandangan manusia, seseorang dikira malu dan pemalu apabila dia tidak mencegah teman atau orang yang berkedudukan daripada melakukan maksiat, bahkan dia

meninggalkan kewajipan menyuruh kepada makruf dan mencegah daripada yang mungkar kerana menghormati, menjaga hubungan dan membodek atas alasan agama dan syariat. Sikap ini tidak dikira malu oleh syariat. Orang itu juga tidak dikira pemalu. Bahkan dikira pengecut dan lemah (Dr. Ali Laban, 2009).

### 3.2.2 *Al-Haya'* Sebahagian Dari Iman

Hadis di bawah menyatakan tentang *al-haya'* yang merupakan sebahagian dari iman.

عَنْ سَالِمٍ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ ، عَنْ أَبِيهِ ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "مَرَّ عَلَى رَجُلٍ مِنَ الْأَنْصَارِ وَهُوَ يَعْظُزُ أَخَاهُ فِي الْحَيَاةِ ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَعْهُ فَإِنَّ الْحَيَاةَ مِنَ الْإِيمَانِ".

Maksudnya: Dari Abdullah bin Umar RA, dia berkata, Nabi SAW melewati seorang laki-laki yang sedang menasihati saudaranya tentang malu dan dia menasihati saudaranya agar tidak malu. Maka Rasulullah SAW bersabda, ‘Biarkan dia, sesungguhnya malu adalah sebahagian dari iman (Bukhari. *Sahih Bukhari*. Kitab Iman. Bab Al-Haya' min al-Iman. No.hadis 24).

Berkata Ibnu Hajar (2009) dalam kitab Fathul Baari, bahawa dengan adanya sifat malu ini akan membawa kepada kebaikan dan menghindarkan daripada perkara-perkara yang buruk. Justeru itu, apabila malu telah menjadi kebiasaan dan sifat seseorang, maka akan menjadi sebab untuk meraih kebaikan bagi dirinya.

Dalam konteks akhlak, sifat *al-haya'* ada tiga jenis, iaitu *al-haya'* kepada Allah yang merupakan *al-haya'* yang hakiki, *al-haya'* kepada diri sendiri dan *al-haya'* kepada orang lain atau *al-haya'* sesama manusia. Orang akan malu kepada Allah jika dia tidak dapat melaksanakan perintah-Nya dan tidak dapat menjauhi larangan-Nya, sikap *al-haya'* seperti ini lah yang merupakan kunci kejayaan kita menjadi orang yang bertakwa. Dengan bekal malu ini, seseorang akan berusaha supaya dapat menjadi orang bertakwa yang utuh. Orang yang bersifat *al-haya'* kepada Allah pasti akan malu terhadap dirinya sendiri. *Al-haya'* terhadap diri bererti dia akan berusaha mengendalikan nafsunya dari keinginan-keinginan yang tidak baik. Orang yang *al-haya'* kepada Allah dan kepada dirinya sendiri pasti akan malu juga kepada orang lain. Dengan *al-haya'* ini ia akan terpelihara dalam semua perlakunya. Sikap *al-haya'* juga merupakan kesan dari iman seseorang. *Al-haya'* dan iman mempunyai hubungan yang sangat kuat. Semakin kuat keimanan seseorang, maka akan semakin kuatlah juga rasa *al-haya'*nya, demikian juga sebaliknya. Kerana itulah, Nabi SAW menjadikan *al-haya'* sebagai salah satu bahagian dari iman (Marzuki, t.t).

Sikap lelaki yang mencela atau menasihati saudaranya dari rasa *al-haya'* itu tidak dibenarkan oleh Rasulullah SAW yang ketika itu lalu di hadapan mereka. Maka dalam hadis ini

Rasulullah SAW mengingatkan bahawa yang tepatnya adalah tidak menghilangkan rasa malu dalam diri saudaranya. Membiarkan seseorang memiliki sifat malu tersebut kerana ianya merupakan akhlak yang baik malahan malu adalah sebahagian dari iman (Humas, 2010).

*Al-haya'* adakalanya berbentuk fitrah dan adakalanya berbentuk hasil usaha. Fitrah ialah sifat yang dijadikan Allah SWT dalam jiwa semua manusia iaitu sebelum fitrah itu terdedah kepada keburukan sifat seperti perasaan malu membuka aurat. Hasil usaha pula terhasil dengan cara beriman kepada Allah SWT dan agama-Nya kerana ia juga termasuk dengan cara mempelajari berbagai adab dan akhlak yang dapat menghalang seorang mukmin daripada melakukan maksiat lantaran takutkan Allah SWT.

### 3.2.3 *Al-haya'* Merupakan Sifat Nabi SAW

Hadis di bawah menyatakan tentang *al-haya'* sebagai sifat Nabi SAW.

أَبَا سَعِيدٍ، يَقُولُ : كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَشَدَّ حَيَاءً مِنَ الْعَذْرَاءِ فِي خِدْرِهَا .

Maksudnya: Abu Sa'id berkata, "Nabi SAW lebih pemalu daripada gadis dalam pingitannya (Bukhari. *Sahih Bukhari*. Kitab Adab. Bab al-Haya'. No. hadis 5681).

Al-Qurthubi (2009) menyatakan bahawa *al-haya'* yang diusahakan adalah *al-haya'* yang dijadikan sebahagian dari iman. Hanya yang memiliki tabiat *al-haya'* sahaja yang akan mendapatkan *al-haya'* yang diusahakan. Terkadang pula *al-haya'* yang diusahakan ini menjadi tabiat sehingga menjadi naluri. Nabi SAW memiliki *al-haya'* itu, maka malu beliau secara naluri melebihi *al-haya'* seorang gadis dalam pingitannya.

### 3.2.4 *Al-Haya'* Penghalang Dari Melakukan Dosa.

Hadis di bawah menyatakan *al-haya'* penghalang dari melakukan dosa.

حَدَّثَنَا أَبُو مَسْعُودٍ ، قَالَ : قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " إِنَّ مِمَّا أَذْرَكَ النَّاسُ مِنْ كَلَامِ النُّبُوَّةِ الْأُولَى إِذَا لَمْ تَسْتَحِيْ فَاصْنُعْ مَا شِئْتَ ".

Maksudnya: Abu Mas'ud menceritakan kepada kami dia berkata, Nabi SAW bersabda, Sesungguhnya di antara perkara yang didapatkan manusia dari perkataan kenabian pertama, jika engkau tidak malu, maka lakukan sesukamu (Bukhari. *Sahih Bukhari*. Kitab Adab. Bab Idza Lam Tastahyi Fasna' Ma Syi'ta. No.hadis 5769).

Maksud ayat ini bukanlah maksudnya agar kita melakukan sesuka kita termasuk perkara maksiat. Namun, ia merupakan satu ancaman iaitu jika kamu tidak memiliki rasa *al-haya'*,

lakukanlah sesukamu. Pasti engkau akan mendapatkan akibatnya. Kalimah perintah tersebut bermakna berita. Jadi maknanya adalah penghalang daripada melakukan keburukan adalah rasa *al-haya'*. Maka bagi sesiapa yang tidak memiliki rasa *al-haya'* akan terjerumus dalam kemungkaran (Muhammad Abduh Tuasikal,2008).

Mahmud Muhammad al-Khazandar (2009) dan diantara beberapa hal yang difahami dari hadis ini ialah di mana seseorang merasa berat dan takut mendapat dosa maka berhentilah, dan di mana hati merasa tenang dan tidak merasa berat maka lakukanlah apa yang dikehendaki. Orang yang sudah kehilangan sifat *al-haya'* maka ia melakukan apa yang dia kehendaki dan hendaklah ia memperhatikan setelah itu apa yang dilakukan Allah SWT dengannya. Tidak pelik apa yang kita lihat dari kemungkaran akhlak apabila kita sudah mengetahui bahawa pendorong sifat *al-haya'* telah mati, maka yang bersifat *al-haya'* biasanya melakukan apa yang dikehendakinya tanpa merasa malu kepada siapapun.

An-Nawawi (2006) berkata dalam kitab Al-Arba'in, perintah dalam hadis ini bermaksud, jika engkau ingin melakukan sesuatu, dan ia bukan perkara yang membuat malu terhadap Allah dan juga terhadap manusia, maka lakukanlah. Namun, bila tidak demikian, maka jangan lakukan. Inilah yang menjadi intisari Islam. Hadis ini membawa maksud, seseorang akan merasa malu untuk meninggalkan apa yang diperintahkan dan malu untuk melakukan apa yang dilarang.

### **3.2.5 Tidak Boleh ada *Al-haya'* untuk Memahami Agama**

Hadis di bawah menyatakan tentang dalam memhami agama tidak boleh ada *al-haya'*.

عَنْ هِشَامِ بْنِ عُرْوَةَ ، عَنْ أَبِيهِ ، عَنْ زَيْنَبَ ابْنَةِ أَبِي سَلَمَةَ ، عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا ، قَالَتْ  
جَاءَتْ أُمُّ سُلَيْمَ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَقَالَتْ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، إِنَّ اللَّهَ لَأَ  
يَسْتَحِي مِنَ الْحَقِّ ، "فَهَلْ عَلَى الْمَرْأَةِ غُسْلٌ إِذَا احْتَلَمَتْ ؟ فَقَالَ : نَعَمْ ، إِذَا رَأَتِ الْمَاءَ."

Maksudnya: Dari Ummu Salamah RA, dia berkata, Ummu Sulaim datang kepada Rasulullah SAW dan berkata, ‘Wahai Rasulullah, sesungguhnya Allah tidak malu terhadap kebenaran. Apakah perempuan harus mandi jika mimpi (melakukan hubungan intim)?’ Beliau bersabda, ‘Benar, apabila dia melihat air (mani)’.(Bukhari. *Sahih Bukhari*. Kitab Adab. Bab Ma la Yastahyi min al-Haq. No.hadis 5770).

Di dalam hadis ini terdapat dalil bahawa wanita boleh meminta fatwa secara terus dari Nabi SAW dan menjelaskan gambaran keadaan yang syar'i kerana adanya faedah yang boleh diambil dari hal tersebut (Ibnu Hajar Al-Asqalani,2007).

Maka, di antara sifat *al-haya'* yang tercela adalah *al-haya'* untuk memahami agama, *al-haya'* untuk menuntut ilmu syar'i, *al-haya'* untuk membaca al-Quran, *al-haya'* dalam melakukan amar ma'ruf nahi mungkar yang menjadi kewajiban seorang Muslim, *al-haya'* untuk solat berjemaah di masjid bersama kaum muslimin, *al-haya'* dalam memakai pakaian muslimah yang syar'I dan *al-haya'* mencari nafkah yang halal untuk keluarganya bagi lelaki. Sifat *al-haya'* seperti ini

adalah tercela kerana akan menghalangnya memperoleh kebaikan yang sangat besar (Yazid bin Abdul Qadir Jawas, 2018).

#### **4. Kesimpulan**

Dapatan kajian menunjukkan terdapat hadis-hadis yang menyebut berkaitan sifat *al-haya'*. Antara tema-tema yang ditemui adalah kebaikan sifat *Al-haya'*, *Al-haya'* sebahagian dari iman, *Al-haya'* merupakan sifat Nabi dan tidak boleh ada *Al-haya'* untuk memahami agama. Tiada satu amalan kebajikan pun dalam Islam melainkan ada ganjaran pahala yang menantinya. Begitulah juga sifat *al-haya'* ini. *Al-haya'* mempunyai peranan yang besar dalam kehidupan orang Islam. Ia berperanan dalam membentuk peribadi dan syaksiah seseorang. Ia harus ditingkatkan secara positif sehingga ia dapat membentuk kehidupan yang harmoni dan sejahtera dengan keredhaan Allah di dunia dan akhirat.

#### **Rujukan**

- Abdul al-Razzaq bin Abdul Muhsin al-Abbad. 2014. Artikel Khutbah Jumaat *Malu Kepada Allah*. [www.KhotbahJumat.com](http://www.KhotbahJumat.com)
- Ali Laban. (2009). *Asas-Asas Islam Modul Pembangunan Insan*. Shah Alam: Pustaka Salam.
- Al-Nawawi. 2006. *Syarah Arbain An-Nawawi*. Mesir: Markaz al-Fajr.
- Bukhari, Abu Abdullah Muhammad b. Ismail b. Ibrahim al-Mughirah. 1992. *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- Emilia Susanti. 2014. *Budaya Malu Cerminan Bagi Perempuan Melayu*. Jurnal Sosial Budaya. [ejournal.uin-suska.ac.id](http://ejournal.uin-suska.ac.id). E-ISSN-2407-1684. Vol 11.no. 2
- Ibnu Hajar Al Asqalani. 2007. *Fathul Baari Penjelasan Kitab Shahih Al Bukhari*. Indonesia: Pustaka Azzam Anggota IKAPI DKI.
- Ibnu Hajar Al-Asqalani, 2009, *Fathul Baari Penjelasan Kitab : Shahih Bukhari*, Indonesia : Penerbit Buku Islam Rahmatan.
- Marzuki, M.Ag. (t.t), *Pudarnya Budaya Malu*. Yogyakarta : Staff Site Universitas.
- Muhammad Didik Nursidik. 2017. *Nilai-nilai Pendidikan Akhlak Dalam Kitab Minhajul Muslim Karya Abu Bakar Jabir Al-Jazairi*. Salatiga, Indonesia : Kementerian Agama Ri Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Salatiga.
- Muhammad Abduh Tuasikal. 2008. *Sifat Malu Telah Diajarkan Para Nabi Terdahulu*. Saudi Arabia : King Saud University Riyadh.
- Muhammad Nashiruddin Al Albani. 2009. *Ringkasan Shahih Muslim*. Jakarta: Pustaka Azzam Anggota IKAPI DKI.
- Muslim, Abu al-Husin Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qusyairiy al-Naysaburi. 1955. *Sahih Muslim*. Istanbul: al-Maktabah al-Islamiyyah.
- Nada Abu Ahmad. 2013. *Dosa-Dosa Wanita Yang Dianggap Lazim*. Batu Caves: Al-Hidayah Publication.
- Yahya Nuryadi. 2008. *Semulia Akhlak Nabi SAW*. Kuala Lumpur : Progressive Publishing House Sdn. Bhd.
- Yayasan Percikan Iman. 2010. *Maksud Malu Sebagian Dari Iman*. Ruko Komplek Kurdi Regency No.33A Inhoftank Bandung 40235. [www.percikaniman.org](http://www.percikaniman.org)

Yazid bin Abdul Qadir Jawas. 2018. Artikel Pustaka Imam As-Syafi'i *Malu, Akhlak Islam.*  
Zainuddin. 2014. *Reaksi Haya' Terhadap Kepribadian Anak Melalui Pendidikan Keluarga.*  
Indonesia STKIP PGRI Sumenep: Dosen Prodi Pendidikan Bahasa dan Sastra.